

Menghayati budaya masyarakat Melayu Pulau Penyengat

AS/10/18-04

➔ Menjejaki sejarah kegemilangan Melayu silam

Oleh **Norani Abd Rahim**
bhvarsiti@bh.com.my

➔ **Tanjung Pinang (Riau)**

Menjejakkakan kaki ke Pulau Penyengat, Riau, Indonesia ser olah-olah berada pada era kegemilangan ulama dan sasterawan terkenal nusantara, Raja Ali Haji atau nama sebenarnya, Raja Ali Raja Ahmad yang terkenal menerusi karyanya, *Gurindam Dua Belas*.

Gurindam Dua Belas yang dihasilkan pada awal abad

Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur diketuai Pengarah IPG Kampus Ilmu Khas, Dr Mohd Subaimi Mohd Ali menjejaki Pulau Penyengat bumi kelahiran tokoh hebat itu.

Sejarah membuktikan bahasa Melayu pernah menjadi *lingua franca* nusantara dan kerajaan Johor-Riau mempunyai hubungan yang akrab, tidak hairanlah penduduk Riau kebanyakannya bertutur dalam bahasa Melayu dialek Johor-Riau.

Mengkaji bahasa, budaya

Bukan itu sahaja, malah binaan rumah, gaya berpakaian dan budaya seperti tarian dan alat muzik tradisional juga tidak ubah seperti diamal dan dipersembahkan masyarakat Melayu di negara ini.

Sementara itu, Mohd Suhaimi berkata, kunjungan itu

Beliau berkata, tidak sah mengembara ke Tanjung Pinang jika tidak mengunjungi Pulau Penyengat yang menjadi tumpuan khususnya untuk mengkaji bahasa dan budaya masyarakat Melayu di samping pengkisahan sahsalah keluarga Diraja Selangor.

Katanya, enam lokasi menarik untuk dikunjungi di Pulau Penyengat ialah Masjid Sultan Riau, Gedung Mesiu, Kompleks Makam Raja Abdulrahman, Istana Kantor dan Kompleks Makam Raja Ali Haji dan "masjid telur" yang dibina menggunakan campuran putih telur untuk memperkuat dinding kubah, menara dan bahagian lainnya.

Rombongan juga berkesempatan ke Muzium Sultan Sulaiman Badrul Alamasyah yang mendokumentasikan sejarah Tanjung Pinang, serta

Ahli rombongan daripada IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur bergambar di tugu Gonggong yang menjadi ikon Tanjung Pinang, Riau.

